

### Kebenaran Bertulis Poligami

Mahkamah hanya memberi dan mengeluarkan kebenaran berpoligami. Proses kebenaran berkahwin perlu diurus pula oleh Pemohon di pejabat Pendaftar Nikah Cerai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS).

### EFEK SESUATU PERKAHWINAN BERPOLIGAMI

Apabila mahkamah memberi kebenaran berpoligami, atau memerintahkan sesuatu perkahwinan poligami didaftarkan, ia boleh, atas permohonan mana-mana pihak memerintahkan:

#### Pembayaran Nafkah Kepada Isteri/Isteri-isteri

Suatu ketetapan mengenai kadar nafkah yang mesti dibayar oleh suami kepada isteri/isteri-isteri dan masa ianya perlu dibayar. Ketetapan ini menjadi suatu perintah mahkamah yang mesti dipatuhi. Jika suami ingkar, suami akan tertakluk kepada tindakan pelaksanaan atau penghinaan mahkamah.

#### Pembahagian Harta Sepencarian

Membahagi apa-apa aset yang diperolehi dengan usaha bersama dalam tempoh perkahwinan suami isteri ataupun dijual dan hasilnya di bahagi mengikut takat sumbangan masing-masing dalam perolehan harta tersebut.

RISALAH INI ADALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK MAKLUMAT ASAS SAHAJA, PERUNTUKAN TERPERINCI TERKANDUNG DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SABAH NO.8 TAHUN 2004. NASIHAT UNDANG-UNDANG MENGENAINYA BOLEH DIPEROLEHI DARIPADA MANA-MANA FIRMA GUAMAN SWASTA ATAU BIRO BANTUAN GUAMAN CAWANGAN SABAH

### ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

### JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066

NEGERI SABAH



JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH  
NEGERI SABAH

POLIGAMI  
DI BAWAH  
ENAKMEN  
UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM  
NEGERI SABAH  
2004



## POLIGAMI PERLU KEPADA KEBENARAN MAHKAMAH SYARIAH

*Salah saham Terhadap Kebenaran Berpoligami:* Undang-undang mengenai poligami di Sabah telah diperkemaskan sejak 1992, namun masih ada tanggapan bahawa berpoligami perlu kebenaran isteri. Malah ada yang mengatakan tandatangan isteri diperlukan oleh Mahkamah. Pada hakikatnya, tanpa kebenaran atau tandatangan isteri, permohonan masih boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah dan begitu juga sebaliknya.

### Larangan Berpoligami Tanpa Kebenaran Mahkamah

Undang-undang menegah seseorang berpoligami tanpa kebenaran bertulis Mahkamah Syariah. Ini diberi di bawah subseksyen (1) seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah 2004. Peruntukan ini terpakai sama ada perkahwinan itu dilakukan di dalam atau di luar Sabah termasuk luar negara.

## PERKARA-PERKARA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH MAHKAMAH SEBELUM DIBERI KEBENARAN BERPOLIGAMI

### Kebenaran Berpoligami Hendaklah Dipohon Di Mahkamah

Kebenaran berpoligami hanya akan dikeluarkan oleh mahkamah melalui proses permohonan dan kehadiran pemohon (suami) di hadapan hakim. Kebenaran ini tidak boleh dikeluarkan melalui permohonan yang dibuat secara pos atau diwakilkan kepada seseorang tanpa kehadiran pemohon sendiri.

### Orang-orang Yang Akan Dipanggil Hadir Ke Mahkamah

Selain kehadiran pemohon, orang-orang berikut akan dipanggil hadir di hadapan hakim:

- Isteri/Isteri-isteri si pemohon
- Calon isteri
- Wali kepada calon isteri (jika ada)
- Orang-orang lain yang difikirkan perlu hadir oleh mahkamah untuk memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu.

Kehadiran orang-orang ini tidak diwajibkan. Mereka boleh memilih untuk hadir atau sebaliknya. Mahkamah bagaimanapun terikat untuk menyampaikan notis panggilan hadir kepada mereka.

### Kedua-duaan Yang Menjadikan Poligami Itu Perlu

- bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, seperti kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri/isteri-isteri sedia ada;
- bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, mengikut syara' semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;
- bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut syara'; dan
- bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan dharar syarie kepada isteri-isteri sedia ada.

## AKIBAT JIKA BERPOLIGAMI TANPA KEBENARAN MAHKAMAH

### Perkahwinan Tidak Boleh Didafarkan Tanpa Proses Mahkamah

Poligami tanpa kebenaran mahkamah hanya boleh didaftarkan dengan perintah mahkamah. Perintah ini hanya akan diberi setelah:

- Mahkamah berpuashati bahawa perkahwinan itu sah di sisi syara'; dan
- Suami telah didakwa di mahkamah atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah.

Ini bermakna, perkahwinan itu tidak akan didaftarkan dan tiada sijil nikah dikeluarkan jika tidak melalui proses di atas.

## Pembayaran Serta Merta Maskahwin Dan Lain-lain Pemberian Kahwin

Suami yang berpoligami tanpa kebenaran mahkamah dikehendaki membayar semua jumlah maskahwin dan lain-lain pemberian kahwin kepada isteri/isteri-isteri. Jika tidak dibayar, boleh dituntut sebagai hutang.

### Penalti

Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

## PERMOHONAN KEBENARAN BERPOLIGAMI

### Permohonan Difailkan Di Mahkamah

Permohonan hendaklah difailkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. Suatu ikrar menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut atau perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmenya, dan kewajipan tanggungannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinannya yang dicadangkan itu, perlu disertakan.

### Pendengaran Di Hadapan Hakim

Pemohon dikehendaki hadir di hadapan Hakim untuk proses siasatan. Orang-orang lain yang dipanggil hadir ke mahkamah akan diminta memberi pandangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu. Pendengaran diadakan dalam mahkamah tertutup.

### Keputusan Permohonan Berpoligami

Pemohon dan isteri/isteri-isteri akan dipanggil bagi mendengar keputusan permohonan itu. Jika hakim telah bersedia dengan keputusannya, ia boleh menyampaikan keputusannya pada hari yang sama permohonan itu didengar. Keputusan permohonan ini boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah jika pemohon atau isteri/isteri-isteri sedia ada tidak berpuashati.